



مجالیس فرینڈارن سلیان
Majlis Perbandaran Selayang

**TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA
DATO' DR JUHARI BIN AHMAD,
PEMANGKU YANG DIPERTUA MPS
DI MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 4/2019
24 APRIL 2019, RABU
09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan mesyuarat majlis MPS **Bil. 4 /2019 bagi bulan April** pada pagi yang berbahagia ini.

1. Pertamanya, sebelum saya meneruskan ucapan pada pagi ini, saya ingin memaklumkan bahawa saya akan memangku jawatan sebagai Yang Dipertua MPS sehingga YDP baru akan dilantik. Saya mengharapkan kerjasama dan sokongan daripada tuan puan sepanjang saya memangku jawatan ini.

PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

2. Untuk makluman, sehingga 31 Mac 2018, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2019 sebanyak RM 44.09 juta (86.45%) daripada RM 51 juta.
3. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM3.46 juta (49.47%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 7 juta.
4. Pihak majlis telah mengeluarkan notis (Borang E) kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan cukai taksiran pada 1 Mac 2019. Sebanyak 51,410 notis dikeluarkan dan tempoh tamat pada 31 Mac 2019. Tindakan waran tahanan bernilai RM 100.00 telah dilaksanakan kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan bermula 1 April 2019.
5. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan

waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran. Maklumat mengenai kelayakan pengurangan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.

KEMPEN TAWARAN KOMPAUN LETAK KERETA RM20

6. MPS masih lagi meneruskan kempen tawaran kompaun yang menawarkan tawaran RM 20.00 bagi setiap keping kompaun letak kereta kepada pemilik-pemilik kenderaan yang mempunyai kompaun tertunggak di Selayang.
7. Tawaran ini dibuka bermula 1 April 2019 hingga 30 April 2019 di semua kaunter bergerak MPS yang akan berada di kawasan yang terpilih.
8. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua yang masih mempunyai kompaun tertunggak untuk mengambil peluang ini bagi menjelaskan kompaun yang dimiliki untuk mengelakkan tindakan penguatkuasaan diambil.

YAD TAN SRI, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,

PENSIJILAN EKSA

9. Seperti yang sedia maklum, pada 16 sehingga 18 April 2019 yang lalu, MPS telah pun menerima kunjungan

daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) bagi lawatan pengauditan pensijilan EKSA.

10. Empat orang panel penilai telah membuat pengauditan sepanjang tiga hari tersebut dan Alhamdulillah, MPS telah pun menerima maklum balas yang positif terutamanya bagi aktiviti Go Green di MPS.
11. Selain itu, terdapat beberapa penemuan yang harus ditambahbaik antaranya adalah melibatkan kondisi asset, peralatan, perabot pejabat yang uzur dan kondisi bangunan lama yang memerlukan penyelenggaraan semula. Saya berharap agar MPS dapat mengkaji semula penemuan-penemuan ini untuk penambahbaikan di masa akan datang.
12. Saya juga turut diberitahu bahawa laporan penemuan beserta maklum balas MPS akan dihantar ke MAMPU untuk penilaian akhir bagi mendapatkan pensijilan EKSA. Saya berharap agar MPS berjaya memperolehi pensijilan EKSA yang akan dikeluarkan oleh MAMPU.

TAPAK BAZAR RAMAHDHAN 2019

13. Untuk makluman semua, sebanyak **11 lokasi** Bazar Ramadan di bawah persatuan dan pertubuhan akan dibuka dan sebanyak **25 lokasi** yang lain dikelolakan oleh pihak Jawatankuasa Penduduk (JKP) sepanjang bulan Ramadhan ini.
14. Diharapkan penjaja dapat mengekalkan tahap kebersihan serta mutu makanan yang dijual bagi mengelakkan sebarang isu yang tidak diingini seperti isu berkaitan kesihatan termasuk penyakit berjangkit.

UCAPAN SEMPENA KETIBAAN BULAN RAMADHAN 1440 HIJRAH

15. Sempena bulan ramadhan yang bakal menjelma - saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat menyambut bulan ramadhan kepada semua Ahli Majlis, warga MPS dan warga Selayang yang beragama Islam.
16. Semoga ramahdan pada kali ini akan memberikan seribu kerahmatan dan keberkatan kepada kita semua.

Sekian, Assalamualaikum dan terima kasih.